

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 30.03.2026 MASA: 05.08PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN
SAMBUTAN HARI WANITA SEDUNIA 2026
PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT

**31 MAC 2026 (SELASA)
10.00 PAGI**

**AUDITORIUM MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

1. **Yang Mulia Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah**
2. **Yang Amat Berbahagia Puan Tan Lean Kee**
3. **Yang Berhormat Puan Lim Siew Khim**
EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam merangkap Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC)
4. **Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang**
5. **Yang Berbahagia Dato' Hj Baderul Amin Bin Abdul Hamid**
Datuk Bandar MBSP
6. **Yang Berbahagia Dato' Ong Bee Leng**
Ketua Pegawai Eksekutif, PWDC
7. **Yang Berbahagia Dato'-Dato', Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan**
8. **Yang Berbahagia Datin Noraishah Binti Hashim** Pengerusi Puspanita MBSP merangkap isteri kepada Datuk Bandar MBSP

- 9. Yang Berbahagia Ahli-ahli Majlis Bandaraya Seberang Perai dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang**
 - 10. Yang Berbahagia Ahli-ahli Lembaga Pengarah PWDC**
 - 11. Para Penaja-penaja Kempen IWD2026, Rakan-Rakan Strategik Kempen IWD2026, Ahli-ahli Jawatankuasa Pembangunan Wanita & Keluarga (JPWK), Ahli-ahli Relanita**
 - 12. Rakan-Rakan Media**
 - 13. Puan-Puan dan Tuan-Tuan sekalian**
-

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. ***Alhamdulillah***, setinggi-tinggi kesyukuran kita rafakkan ke hadrat Allah S.W.T., kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh makna ini dalam sebuah majlis yang amat signifikan, iaitu **Majlis Perasmian Sambutan Hari Wanita Sedunia 2026 (IWD2026) Peringkat Negeri Pulau Pinang**.
2. Saya bagi pihak seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **Yang Mulia Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah**, atas kesudian hadir seterusnya merasmikan majlis kita pada hari ini. Sesungguhnya, kehadiran Yang Mulia Toh Puan pada hari ini bukan sahaja memuliakan majlis, malah menjadi simbol pengiktirafan tertinggi terhadap perjuangan dan sumbangan wanita di negeri Pulau Pinang.
3. Ucapan penghargaan juga saya tujukan kepada **Yang Amat Berbahagia Puan Tan Lean Kee, Yang Berhormat Puan Lim Siew Khim, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Yang Berbahagia Datin Noraishah binti Hashim, Ahli-ahli MBSP, Ahli-ahli Lembaga Pengarah PWDC, Yang Berbahagia**

Dato' Ong Bee Leng, seterusnya para dif kehormat, serta tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang hadir memeriahkan majlis ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Tema Hari Wanita Sedunia tahun ini; **“Beri Demi Perkasa”**, bukan sekadar ungkapan indah yang tertera di latar pentas. Ia adalah satu persoalan yang mencabar kita semua. **Apa yang telah kita beri? Dan, siapa yang benar-benar kita perkasa?**

5. Izinkan saya berkongsi, bagaimana MBSP menterjemahkan “pemberian” ini dalam bentuk yang nyata; bukan sekadar dasar, tetapi tindakan.

6. **Pertama: Kami beri keselamatan.**

Kerana bagi seorang wanita, rasa selamat bukan satu pilihan, ia adalah hak. Di Seberang Perai, kami memperkukuh pencahayaan di laluan pejalan kaki, kawasan parkir dan lorong berisiko tinggi. Kami memahami bahawa satu lampu jalan yang berfungsi boleh mengubah rasa takut menjadi keyakinan. Kami juga menerapkan konsep *“Eyes on the Street”*; ruang awam yang hidup, terbuka dan sentiasa diperhatikan. Kerana bandar yang selamat bukan dibina dengan dinding tinggi, tetapi dengan adanya manusia yang saling menjaga.

7. **Kedua: Kami beri mobiliti.**

Kebebasan bergerak adalah asas kepada maruah. Bagi seorang ibu dengan *stroller*, seorang warga emas dengan tongkat, atau seorang OKU dengan kerusi roda; laluan yang rata bukan kemudahan, ia adalah kebebasan. MBSP memperluas laluan mesra OKU, lengkap dengan akses kerusi roda dan laluan taktil; supaya setiap rakyat, tanpa mengira kemampuan fizikal, dapat bergerak dengan bermaruah.

8. Ketiga: Kami beri penghormatan terhadap hak.

Kerana pemerkasaan tanpa penghormatan adalah kosong. Penyediaan bilik laktasi yang selesa bukan sekadar kemudahan, ia adalah pengiktirafan terhadap peranan seorang ibu. Kajian semula nisbah tandas awam wanita pula bukan sekadar perancangan, ia adalah keadilan berasaskan keperluan. Kita tidak boleh bercakap tentang memperkasa wanita, jika keperluan asas mereka masih dipinggirkan.

9. Keempat: Kami beri ruang awam untuk kesejahteraan.

Kerana wanita bukan sekadar bertahan, mereka berhak untuk hidup dengan sejahtera. Ruang hijau, taman awam dan kawasan rekreasi bukan hanya tempat bersantai; ia adalah ruang untuk wanita membina keyakinan, kesihatan mental dan jaringan sosial. Di sinilah lahirnya komuniti yang kuat. Di sinilah bermulanya keseimbangan hidup.

Hadirin yang dihormati,

10. Saya akui, apa yang telah MBSP beri masih belum sempurna. Namun, kita telah mula memberi dengan **erti**. Kita tidak lagi merancang sekadar memenuhi keperluan, tetapi untuk menyelesaikan realiti kehidupan sebenar wanita. Bersama Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), kita melangkah lebih jauh melalui Bajet Responsif Gender sejak 2012, satu inisiatif yang bukan sahaja memimpin di Malaysia, malah menjadi rujukan di peringkat Asia Pasifik. Jalinan kerjasama ini diperkukuh lagi menerusi pelaksanaan Bandar Mesra Usia (AFC) di Seberang Perai.

Hadirin sekalian,

11. Tema sambutan "**Beri Demi Perkasa**" mengingatkan kita bahawa pemberian yang paling bermakna bukan selalu yang paling besar. Kadang-kadang, ia mungkin; sebatang lampu jalan yang menyala, sebuah *ramp* yang boleh dilalui, atau sebuah tandas yang selamat digunakan. Namun lebih besar daripada itu adalah **keputusan**. Keputusan dalam *town hall* bajet tahunan yang bertanya: "Apakah keperluan wanita setempat? Adakah wanita diambil kira dalam setiap perancangan kita?"

12. Pemberian ini tidak memerlukan peruntukan tambahan, tetapi memerlukan **tekad dan kesedaran**. Justeru itu, saya mengajak semua penjawat awam, rakan-rakan dari sektor swasta, pemimpin NGO dan seluruh hadirin: **Berilah apa yang ada dalam kuasa dan**

kemampuan kita. **Beri perhatian. Beri ruang. Beri suara. Beri tindakan.** Dan yang paling penting, **beri tindakan.**

Selamat Menyambut Hari Wanita Sedunia 2026.

“Beri Demi Perkasa. *Give to Gain*, kerana setiap pemberian yang ikhlas, mampu mengubah masa depan.”

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.